

## Terma Dan Syarat Kuiz Forum Perdana – Bank Muamalat 20 tahun

Kuiz Forum Perdana – Bank Muamalat 20 tahun adalah satu pertandingan Media Sosial yang dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) (“BMMB”) (“Pertandingan”).

### 1. SYARAT PERTANDINGAN

- i. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur 15 – 80 tahun yang bermastautin di Malaysia kecuali Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).
- ii. Pertandingan akan berlangsung pada 10 Oktober 2019. Walau bagaimanapun, BMMB berhak menukar atau meminda tarikh dan tempoh Pertandingan ini sekiranya perlu.

### 2. MEKANISMA PERTANDINGAN

- i. Peserta perlulah mengikuti laman sosial rasmi BMMB, di Facebook (Bank Muamalat Malaysia Berhad), Twitter atau Instagram (mybankmuamalat).
- ii. Peserta perlu menjawab 3 soalan berkenaan BMMB yang akan HANYA dikeluarkan di Facebook dan Instagram BMMB pada jam 8 malam.
- iii. Peserta perlu memberi jawapan pada ruangan komen gambar di **Facebook atau Instagram Bank Muamalat Malaysia Berhad**.
- iv. 2 pemenang bertuah dengan jawapan yang tepat akan dipilih sebagai pemenang dan akan diumumkan pada 16/10/2019.
- v. Pemenang akan memenangi hadiah berupa 5 gram emas setiap seorang.
- vi. Pemenang haruslah menuntut 5 gram emas di cawangan BMMB terdekat mereka.
- vii. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu komen/penyertaan bagi Pertandingan ini.

### 3. METODOLOGI PENILAIAN

- i. Mana-mana pengikut media sosial rasmi Bank Muamalat Malaysia Berhad yang memberi jawapan di ruangan komen poster pertandingan Kuiz Forum Perdana Ehwat Islam - Bank Muamalat 20 Tahun yang dikeluarkan pada 10 Oktober 2019, jam 8 malam layak secara automatik menyertai pertandingan ini.
- ii. Dua (2) peserta bertuah yang memberi komen (jawapan yang tepat) akan dipilih secara rawak sebagai pemenang pertandingan ini.

- iii. Penilaian akan dijalankan mengikut kriteria yang perlu dipatuhi seperti di bawah:
  - a. Mengikuti salah satu laman sosial rasmi BMMB (Facebook, Twitter atau Instagram); dan
  - b. Memberikan jawapan yang betul di ruangan komen poster pertandingan Kuiz Forum Perdana Ehwat Islam - Bank Muamalat 20 Tahun.

#### 4. HADIAH

- i. Dua (2) pemenang bertuah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan layak memenangi **5 gram emas** dan hadiah perlulah dituntut di mana-mana cawangan BMMB terdekat.
- ii. BMMB berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menggantikan hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan tanpa memberi makluman terlebih dahulu kepada pemenang.
- iii. Pengumuman pemenang akan dilakukan pada 16/10/2019 menerusi media sosial Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- iv. Pemenang dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan semasa / sebelum penebusan hadiah bagi tujuan pengesahan.
- v. Semua keputusan yang dibuat oleh BMMB berhubung dengan Pertandingan ini termasuk tidak terhad kepada pemilihan Pemenang dan hadiah adalah muktamad dan mengikat.
- vi. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah mereka dalam tempoh **DUA (2)** bulan selepas dihubungi oleh BMMB. Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, BMMB berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima hadiah mereka.

#### 5. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat pertandingan yang telah ditetapkan.
- ii. Terma dan syarat ini akan dipamerkan dan dimuatnaik di laman sosial BMMB iaitu Facebook (Bank Muamalat Malaysia Berhad), Instagram dan Twitter (@mybankmuamalat).
- iii. BMMB juga mempunyai hak dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, memadam, meminda, mengubahsuai dan/atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini mengikut budi bicara mutlaknyanya dan notis akan disiarkan di laman web BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau melalui Facebook, dan Instagram BMMB atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh BMMB.

- iv. Pelanggan yang menyertai Pertandingan ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang perubahan atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Pertandingan ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat ini (yang berubah atau diubah).
- v. Terma & Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.
- vi. Terma & Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- vii. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju BMMB menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan dan publisiti di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan tanpa sebarang bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang.
- viii. Jika atas apa-apa sebab Pertandingan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan; BMMB berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana individu yang mengganggu proses penyertaan dan/atau membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Pertandingan ini.
- ix. BMMB berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau entri yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/ menyalahgunakan proses penghantaran Pertandingan, operasi Pertandingan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Pertandingan ini.
- x. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Pertandingan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak BMMB dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
- xi. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan BMMB atau pegawai, pekerja, wakil dan / atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan BMMB untuk tujuan Pertandingan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiannya atau sebaliknya, berkaitan dengan Pertandingan ini, walaupun BMMB telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.

## 6. PERLINDUNGAN DATA

- i. Dengan mengambil bahagian dalam Pertandingan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada BMMB untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP), nombor telefon yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan / atau foto Peserta/Pemenang di laman web atau mana-mana media sosial BMMB untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- ii. Dengan mengambil bahagian dalam Pertandingan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan). Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
- iii. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
  - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi BMMB di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan BMMB dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh BMMB; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- iv. Sebarang isu perlindungan data bersama BMMB, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman web BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau menghubungi talian pelanggan BMMB di 1-300-88-8787
- v. BMMB akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, BMMB boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
- vi. Semua perkara berkaitan Data Peribadi yang berkaitan dengan Pertandingan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

-----Tamat -----